



PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN

Ke arah 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan



Langkah kurangkan jenayah lepasi sasaran

Inisiatif PDRM, orang ramai wujud bandar selamat



HISHAMMUDDIN bersama (dari kiri) Musa; Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Lee Chee Leong dan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Mahmood Adam merasmikan pelancaran Anugerah Liga Balai Polis di Pusat Persidangan Antarabangsa Putrajaya (PICC), baru-baru ini.

PROGRAM Transformasi Kerajaan (GTP) Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) Mengurangkan Jenayah mencapai keputusan yang jauh melebihi sasarannya bagi membentuk Malaysia yang lebih selamat untuk semua rakyatnya.

Ini dapat dilihat pada statistik yang dicatatkan. Dari 1 Januari 2010 hingga 30 Jun 2010 sejumlah 88,785 kes jenayah indeks dilaporkan. Tahun 2009 sebanyak 103,419 kes dicatatkan, penurunan sebanyak 14.2 peratus.

Jenayah jalanan juga memperlihatkan penurunan ketara. Dari 1 Januari hingga 30 Jun 2010 sebanyak 12,273 kes dilaporkan. Bagi tempoh sama tahun 2009 sebanyak 19,346 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 36.6 peratus.

"Sewaktu GTP dilancarkan, sasaran NKRA adalah penurunan sebanyak 5 peratus jenayah indeks dan 20 peratus jenayah jalanan pada tahun 2010," kata Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

"Secara keseluruhan untuk jenayah indeks, ia adalah penurunan sebanyak 10,491 kes pada tahun 2010. Pada 30 Jun 2010 penurunannya adalah sebanyak 14,634 kes. Jelas, kita sudah melepasi sasaran.

"Untuk jenayah jalanan pula, penurunan sebanyak 7,607 kes pada tahun 2010," tambah Hishammuddin.

"Sehingga 30 Jun, jumlah kes berkurangan sebanyak 7,073.

"Jadi selagi kita mengekalkan momentum ini untuk tempoh selanjutnya pada 2010, kita akan melepasi sasaran NKRA ditetapkan," katanya.

Hishammuddin berkata, kerajaan berpuas hati dengan keputusan memberangsangkan ini dan meletakkan kejayaan ini kepada tiga faktor utama: (i) kejayaan program kehadiran polis yang mana Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara agresif meningkatkan jumlah anggota membuat rondaan di kawasan bi-

langan kes jenayah tinggi; (ii) keberkesanan program cegah jenayah yang dijalankan di mana persatuan penduduk dan peniaga bertindak secara proaktif berganding bahu dalam mencegah jenayah seperti yang dilakukan di Taman Midah, Bandar Sri Damansara, Puchong Jaya dan Kepong Jaya; dan (iii) operasi secara intensif yang dilakukan PDRM di seluruh negara bagi mencegah jenayah seperti Ops Lejang, Ops Rentap dan Ops Pintu.

Sebagai tambahan, PDRM juga aktif mempelbagaikan inisiatif

mencegah jenayah. Contoh, berganding bahu dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan pemaju perumahan melancarkan Program Bandar Selamat (SCP).

SCP bermatlamat menjadi ciri-ciri utama kawasan perumahan bagi mencegah kegiatan jenayah. Sebagai contoh; memastikan seluruh kawasan dilengkapi lampu jalan, mengasingkan laluan pejalan kaki dengan lorong motosikal; memasang penggera keselamatan dengan butang panik juga cermin kesela-

matan serta mewujudkan sistem maklumat pemetaan bagi jenayah. Pada masa ini sebanyak 39 pihak berkuasa tempatan di Semenanjung Malaysia terbahagi dalam program ini dan ia akan meningkat kepada 149 termasuk di Sabah dan Sarawak menjelang hujung tahun ini.

Secara lebih khusus, lebih banyak kamera litar tertutup (CCTV) dipasang di 12 kawasan panas yang mencatatkan jumlah paling banyak jenayah jalanan sebagai sebahagian pengaktifan SCP.

Secara keseluruhan, pada masa ini sebanyak 496 CCTV dipasang di 25 pihak berkuasa tempatan termasuk 12 kawasan panas.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, berkata usaha sedang dilakukan pihak berkaitan termasuk bekerjasama dengan mahkamah dan Pejabat Peguam Negara bagi memperbaiki keberkesanan pendakwaan.

Katanya, PDRM juga akan meningkatkan kerjasama dengan orang ramai melalui kepolisan berprofil tinggi juga meningkatkan bilangan pegawai PDRM di barisan hadapan.

PDRM juga memperkukuhkan kehadirannya melalui 3,000 sukarelawan terlatih selain menggalakan syarikat berkaitan kerajaan membantu mencegah jenayah. Sehingga kini sebanyak 15,352 anggota polis ditempatkan di empat negeri kawasan panas.

Mahkamah malam, antara inisiatif ini, kini dilaksanakan sepenuhnya di empat negeri kawasan panas terutama di kawasan yang banyak berlaku kejadian ragut.

Bermula 1 Julai lalu, semua mahkamah juga sudah memulakan sesi pendengaran kes lebih awal iaitu jam 8.30 pagi.

Pejabat Peguam Negara juga bercadang memberikan taraf tetap kepada 260 Timbalan Pendakwa raya yang kini dalam lantikan kontrak bagi memastikan kejayaan usaha ini.

Rakyat juga boleh mengharapkan inisiatif berikut dilaksanakan dalam masa tiga bulan lagi.

- Inisiatif meningkatkan keberkesanan pendakwaan kes jenayah.
- Inisiatif meningkatkan perkhidmatan PDRM kepada Rakyat.
- Inisiatif meningkatkan keberkesanan proses pemulihan penagih dadah.

Melalui inisiatif ini, secara keseluruhan ia akan memastikan kes jenayah ditangani dengan berkesan bagi memastikan suasana kehidupan yang berkualiti tinggi bagi semua rakyat Malaysia.

Balai polis catat pengurangan kes jenayah paling tinggi diiktiraf

MENGUBAH wawasan negara ke arah yang lebih mampan hanya boleh dilaksanakan sekiranya mendapat sokongan padu mereka yang terbabit.

Liga Balai Polis (BLT) adalah inisiatif NKRA di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang membantu bukan hanya mengurangkan kadar jenayah negara tetapi juga memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada anggota dan pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Ia adalah skim untuk menanda 753 balai polis di seluruh negara berdasarkan keberkesanan mereka memerangi jenayah.

Setiap empat bulan, balai polis di seluruh negara dinobatkan sebagai pemenang bagi kategori individu berdasarkan kadar jenayah yang berkurangan dan kejayaan mengekalkan kadar jenayah yang rendah di kawasan pengawasan mereka.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata sementara semua polis tidak kira pada peringkat Pusat, negeri dan daerah bertanggungjawab mengurangkan jenayah ke kadar paling rendah, polis pada peringkat akar umbi adalah mereka yang melaksanakan inisiatif NKRA untuk mencapai sasaran.

"Kita harus menghargai dan mengiktiraf tanggungjawab mereka bekerja tanpa kenal penat lelah. Mereka lebih rapat dengan orang ramai dan pihak yang bertanggungjawab pada peringkat akar umbi.

"Objektif BLT adalah untuk meningkatkan semangat individu di balai polis untuk mempunyai agenda masing-masing dalam memeringi jenayah," katanya.

Di bawah program BLT, balai polis dibahagikan kepada lima kategori berdasarkan purata jumlah kes jenayah direkodkan setiap bulan. Balai polis yang menang bagi setiap kategori akan menerima RM500 setiap kakitangan sementara tempat kedua dan ketiga masing-masing menerima RM300 dan RM200.

Balai polis pula diukur berdasarkan keberkesanan mereka memastikan kadar jenayah rendah. Mereka juga dinilai menerusi keupayaan menangani kes jenayah.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, berkata program BLT membolehkan setiap balai polis mewujudkan program yang membina dalam membanteras jenayah.

"Perkara baik boleh direalisasikan jika semua pihak merasakan pemilikan terhadap kerjaya mereka. Inilah yang kita mahukan dalam balai polis. Kita mahu mengiktiraf dan memberi anugerah atas kerja keras mereka dan memotivasikan mereka untuk terus cemerlang di masa akan datang," katanya.

Program kehadiran polis

Anggota	Inisiatif	Anggota atau kenderaan terbabit	Jumlah terkini		
			Purata 8,000 - 9,000 lawatan masuk ke sempadan Malaysia dalam seminggu	Komersial 1,845 (22%) Perumahan 3,986 (49%)	Kerajaan 1,531 (19%) Persatuan 830 (10%)
Anggota bertugas	Polis Berprofil Tinggi	Ketua Polis Negara (IGP), Timbalan Ketua Polis (DIG) Pegawai Kanan Anggota di lokasi	Jumlah Anggota Terlatih: 3,359 Jumlah Anggota Terlatih: 1,041	Purata harian anggota bertugas pada Jun: 2,140	
	Anggota bertugas	Polis Diraja Malaysia	Tugas Am	14,222 anggota bertugas di empat negeri utama (Johor, Kuala Lumpur, P Pinang dan Selangor)	
			Pasukan Gerak Am	1,100 anggota bertugas di empat negeri utama (Johor, Kuala Lumpur, P Pinang dan Selangor)	
			Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU)	30 anggota bertugas di Johor	
Rakan Cop	Orang awam berdaftar dengan SMS	Polis tambahan	Mesyuarat dengan syarikat jalinan kerajaan pada 24 Jun 2010. Perwakilan daripada Tesco, Jusco, Mydin, Giant dan Carrefour hadir		
			Skim Rondaan Sukarela	358,811 anggota berdaftar (30 Jun 2010), yang menjadi mata dan telinga polis di seluruh negara	
				Kemasyarakatan	4,708 anggota Rukun Tetangga (RT) 2,030 Skim Rondaan Sukarela (SRS), 101,500 anggota
Kenderaan	Tindak balas Segera	Balai Polis Bergerak	60 van, 30 bas mini beroperasi sehingga akhir Jun 2010		
		Motosikal untuk PDRM	408 motosikal diubah suai untuk tindak balas segera Majlis Tender KDN bermesyuarat pada 14 Julai 2010 untuk memilih pembekal 404 unit tambahan itu		